

ABY0730

INV.....

PENGAJARAN BACAAN JAWI MENGGUNAKAN KAEADAH
GABUNGAN BUNYI KATA DENGAN BANTUAN
HURUF RUMI

Dewi Maslelah Bt. Md. Yusop

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

Laporan Penyelidikan Yang Dikemukakan Bagi
Memenuhi Sebahagian Daripada Keperluan
Untuk Ijazah Sarjana Pendidikan

Fakulti Pendidikan
Universiti Malaya
Mei, 1995

Dimikrofiskan pada..... 15.10.1999

No. Mikrofilm 14Q81

Jumlah Mikrofis. 5

.....
HAMSIAH BT. MOHAMAD ZAHARI

UPR UNIT REPROGRAFI
PERPUSTAKAAN UTAMA
UNIVERSITI MALAYA

Perpustakaan Universiti Malaya



A505991191

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah, kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, segala usaha untuk menyiapkan laporan penyelidikan ini telah dapat dilaksanakan dalam jangka waktu yang diperuntukan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya tujuhan khas kepada penyelia saya Profesor Isahak Haron yang sentiasa bersedia meluangkan waktu untuk memberi tunjuk ajar dan bimbingan kepada saya daripada peringkat permulaan merancang kajian hingga ke peringkat menyiapkan laporan ini.

Terima kasih juga saya ucapan kepada semua pensyarah Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya khasnya pensyarah penasihat saya, Encik Sandiyao Sebestian, Prof. Madya Dr. Saedah Siraj dan Puan Khathijah bte Abd. Hamid yang telah mencerahkan ilmu dan memberikan bimbingan serta nasihat kepada saya semasa berada di sini. Tidak lupa juga terima kasih kepada semua kaki tangan Perpustakaan Fakulti Pendidikan dan Perpustakaan Besar, Universiti Malaya yang banyak membantu saya mendapatkan bahan-bahan rujukan.

Ucapan terima kasih juga saya tujuhan kepada Bahagian Biasiswa Kementerian Pendidikan yang telah membiayai kursus saya. Seterusnya penghargaan dan terima kasih kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pendidikan Negeri Selangor yang telah memberikan kebenaran menjalankan kajian ini.

Penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Guru Besar, Penyelia Petang dan Guru Pendidikan Islam, Sekolah Kebangsaan Sri Serdang, Selangor yang telah memberikan sepenuh kerjasama untuk saya menjalankan kajian ini. Saya juga sangat menghargai kesediaan dan kesungguhan yang ditunjukkan oleh

sepuluh orang murid Tahun Dua Ikhlas dalam mengikuti pengajaran yang telah dijalankan, semoga mereka akan terus maju dan berjaya di masa akan datang.

Istimewa saya rakamkan penghargaan ini kepada bonda Hajjah Maimunah Hj. Hassan dan ayahanda Allahyarham Md. Yusop Azzam bin Hj Yasin. Budi dan jasa mereka hanya Allah yang akan membalasnya. Sekalung budi buat suami saya Encik Abdul Ghani bin Abdullah dan anak-anak tercinta Suci Salsabila, Muhammad Khalilul Redha dan Muhammad Khalilullah, atas kesabaran dan dorongan yang menjadi sumber kekuatan untuk menyiapkan kajian ini.

Penghargaan dan ucapan terima kasih buat Kak Yah, Kak Ti, Kak Su, Mai, Min, dan rakan-rakan sepengajian yang selalu memberi dorongan dan pandangan dalam menyiapkan kajian ini. Kemesraan dan ketinggian budi mereka tetap bersemadi dalam ingatan. Semoga Allah akan melimpahkan rahmat dalam kehidupan kita semua.

Akhir sekali saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menyiapkan laporan penyelidikan ini.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan melihat kemajuan murid-murid mempelajari Bacaan Jawi menggunakan Kaedah Gabungan Bunyi Kata Dengan Bantuan Huruf Rumi yang disusun oleh Isahak Haron. Dua soalan kajian yang difokuskan ialah:

- a) Bagaimanakah proses pengajaran Bacaan Jawi menggunakan kaedah Gabungan Bunyi Kata Berbantukan Huruf Rumi dijalankan?.
- b) Bagaimanakah kemajuan murid-murid menguasai kemahiran membaca tulisan jawi menggunakan kaedah tersebut?.

Sampel kajian ini adalah sepuluh orang murid Tahun Dua dari Sekolah Kebangsaan Sri Serdang, Serdang, Selangor. Satu ujian saringan telah diberikan kepada semua murid dalam kelas Tahun Dua Ikhlas. Hasil daripada ujian saringan itu sepuluh orang murid telah dikenalpasti sebagai tidak boleh membaca jawi, dipilih menjadi sampel kajian ini.

Kajian ini dijalankan secara pengajaran amali. Pengkaji sendiri telah menjalankan pengajaran Bacaan Jawi menggunakan Kaedah Gabungan Bunyi Kata Berbantukan Huruf Rumi satu jam seminggu, selama lima minggu. Data kajian diperolehi melalui pemerhatian sepanjang proses pengajaran dan juga ujian. Penilaian formatif dilakukan dalam setiap pengajaran. Penilaian sumatif dilakukan pada minggu keenam dengan menjalankan dua ujian. Ujian pertama dijalankan secara bertulis untuk menguji tahap penguasaan murid-murid dalam kemahiran membaca dan menulis jawi. Ujian kedua dijalankan secara lisan untuk menguji tahap penguasaan murid dalam kemahiran membaca ayat dalam tulisan jawi.

Hasil kajian menunjukkan dalam proses pengajaran Bacaan jawi guru tidak perlu memperkenalkan semua huruf abjad jawi mengikut susunan daripada (بـ . . لـ) pada permulaan pengajaran. Dalam pelajaran pertama guru hanya perlu memperkenalkan

kepada murid-murid bunyi huruf-huruf vokal dan satu huruf konsonan yang dipilih. Semasa guru memperkenalkan huruf konsonan dan suku kata jawi yang baru, pengetahuan sedia ada murid dalam huruf rumi yang sama bunyi dengan huruf jawi yang baru diperkenalkan itu digunakan. Ini dapat membantu murid membunyikan huruf jawi tersebut dengan cepat dan betul. Dalam kaedah ini kemahiran membunyikan huruf , suku kata, menyebut perkataan dan membaca ayat digabungkan dalam satu pelajaran. Guru perlu memastikan setiap murid telah menguasai sesuatu kemahiran yang diajar bagi setiap langkah sebelum berpindah ke langkah seterusnya. Ini kerana bahan dalam Kaedah Gabungan Bunyi Kata ini adalah berturutan perkembangannya. Di akhir pelajaran semua murid boleh membaca ayat-ayat jawi yang telah dipelajari.

Aktiviti pengajaran yang paling berkesan untuk membantu murid menguasai setiap kemahiran tersebut ialah latihubi. Tetapi teknik latihubi perlu dipelbagaikan untuk mengekalkan minat murid sepanjang proses pengajaran.

Terdapat perbezaan pencapaian murid-murid dalam mempelajari Bacaan Jawi selepas dua pelajaran. Murid-murid ini dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu Kumpulan A yang lebih baik dan Kumpulan B yang lemah. Murid Kumpulan B telah diberi perhatian dan latihubi tambahan supaya mereka dapat menguasai sesuatu kemahiran manakala murid-murid Kumpulan A diberi aktiviti dan latihan ‘pengkayaan’ untuk memberi peluang mereka mendapat pendedahan yang sesuai dengan pencapaian dan kemajuan mereka.

Berdasarkan hasil kajian yang didapati, pengkaji ingin membuat beberapa cadangan:

- 1) Menubuhkan kelas pemulihan khas jawi di sekolah untuk membantu murid-murid yang lemah, mendapat latihan menggunakan bahan yang sesuai dan latihan yang mencukupi.

- 2) Memberikan tumpuan pengajaran dalam penguasaan bacaan jawi di kalangan murid-murid selama satu semester menggunakan waktu mata pelajaran Pendidikan Islam. Setelah murid-murid menguasai kemahiran membaca jawi barulah mata pelajaran Pendidikan Islam yang menggunakan teks jawi diajarkan.

Kajian ini menunjukkan bahawa Kaedah Gabungan Bunyi Kata Dengan Bantuan Huruf Rumi dengan menggunakan bahan pengajaran yang terancang dan sistematik sesuai digunakan untuk mengajar Bacaan Jawi di peringkat awal. Dapatan kajian ini diharapkan dapat memberi satu alternatif kepada guru-guru untuk mengajar Bacaan Jawi peringkat permulaan dengan cara yang mudah dan cepat.

ABSTRACT

INTEGRATED SOUND-WORD APPROACH IN TEACHING JAWI WITH THE AID OF THE ROMAN ALPHABET

The aim of the study is to get some insights into pupils progress in learning to read Jawi using ‘Integrated Sound-Word Approach with the aid of the Roman Alphabet’.

Two research questions guided the study:

- 1) How is the process of teaching Jawi using the Integrated Sound-Word Approach carried out by the teacher?.
- 2) How far do pupils progress in reading using this approach?.

A pre test for Standard Two students of Sri Serdang Primary School was carried out. From the results, ten students from Tahun Dua Ikhlas were identified as not being able to read Jawi at all. They were used as the sample and as the target group to teach Jawi using this approach.

The study was carried out through practical teaching by the researcher using the Integrated Sound-Word Method. The ten pupils were taught as a class, one hour a week for five weeks. Data were gathered through observation and recording of the activities done in class, and through tests. Formative evaluation was carried out during every lesson. Summative evaluation was carried out on the sixth week using two tests. The first was a written test to examine the level of pupils ability in reading and writing jawi. The second was an oral test to examine pupils proficiency in reading sentences in jawi.

The result of the study shows that the teacher need not introduce all jawi letters in proper order (ج . . ل) at the beginning of the lesson. In the first lesson, the teacher

only needs to introduce the pupils to the sound of primary vocals *ς*, *ʃ* and a consonant. Pupils, prior knowledge of roman alphabets that have the same sound with the jawi vocals and consonant letters was used by the teacher to introduce the jawi letters and syllables. This was to assist pupils to pronounce jawi letters and syllables more easily and effectively.

In this method, the skills to pronounce letters, syllables, words, and sentences are integrated in a single lesson. At the end of the lesson all the pupils are expected to be able to read jawi words or sentences taught in that lesson. Before moving on to the next set of skills in the following lesson, The teacher needs to review the skills taught in the previous lesson. This is due to the Integrated Approach is developmental or sequential.

One of the most effective activities to help pupils acquire the skills is through drill. However, the drill technique needs to be varied to sustain pupils interest throughout the lesson.

The researcher discerned individual differences among pupils in their ability to read after two lessons. The ten pupils were then divided into two groups, group A for good pupils and group B for weaker pupils. Weaker pupils were given special attention and extra drill so that they acquire the skills. Pupils who were faster in acquiring the skills were given additional materials for them to practice.

From the results of this study, the researcher would like to make the following recommendations:

- 1) Pupils who cannot read jawi should be given special remedial teaching using suitable materials and methods.
- 2) Jawi should be taught in the first semester using the time allocated for Pendidikan Islam, so that pupils acquire the ability to read jawi before they are taught Pendidikan Islam using texts in jawi.

The study seems to indicate that the Integrated Sound-Word Approach with the aid of Romanised Letters using planned sequential learning materials is suitable for teaching Jawi for beginners. This seems to suggests that teachers have another simple alternative way of teaching reading Jawi to pupils who have just begun to learn to read and write jawi.

KANDUNGAN

Kandungan	Muka Surat
PENGHARGAAN	i
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	ix
SENARAI LAMPIRAN	xi
BAB SATU: PENGENALAN	
Latar Belakang	1
Penyataan Masalah	6
Tujuan Kajian	8
Soalan-soalan Kajian	8
Batasan Kajian	8
Signifikan Kajian	9
Definisi Istilah	9
BAB DUA: TINJAUAN PENULISAN DAN KAJIAN BERKAITAN	
Taraf Penguasaan Kemahiran Bacaan Jawi di kalangan murid-murid.	13
Punca Kelemahan penggunaan kemahiran Jawi di kalangan murid-murid.	14
Kepentingan Menguasai Jawi	17
Kaedah Pengajaran Bacaan Jawi di sekolah	19
Prinsip-prinsip Kaedah Gabungan Bunyi Kata	23
BAB TIGA: KAEDAH PENYELIDIKAN	
Pengenalan	28
Sampel Kajian	28
Alatan Kajian	28
Cara Kajian dijalankan	31
BAB EMPAT: ANALISIS DATA	
Pendahuluan	33
Proses Pengajaran Bacaan Jawi	33
Menggunakan Kaedah Gabungan Bunyi Kata Berbantukan Huruf Rumi	
Pengajaran Pertama	33
Pengajaran Kedua	37

Pengajaran Ketiga	39
Pengajaran Keempat	41
Pengajaran Kelima	43
Perbincangan	46
Analisis Kemajuan Murid-murid Menguasai	47
Kemahiran Membaca Jawi Menggunakan Kaedah	
Gabungan Bunyi Kata Berbantukan Huruf Rumi	
Analisis Kemajuan Pembelajaran Murid	
Bagi Setiap Waktu Pengajaran	48
Analisis Ujian Akhir Kemahiran Bacaan Jawi Secara Bertulis	53
Analisis Ujian Bacaan Secara Lisan	56
BAB LIMA: PERBINCANGAN DAN CADANGAN	
Pendahuluan	57
Proses Pengajaran Bacaan Menggunakan Kaedah Gabungan	
Bunyi Kata Berbantukan Huruf Rumi	57
Aktiviti Pengajaran: Pelbagai Teknik Latih Tubi	59
Perbezaan Tahap Penguasaan Kemahiran	
Membaca dan Menulis Jawi	60
Perbezaan Individu	61
Peruntukan Masa Mengajar Mata Pelajaran Jawi	62
Kesimpulan	63
Cadangan Untuk Kajian Lanjutan	64
BIBLIOGRAFI	66
LAMPIRAN	70

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran-lampiran	Muka Surat
A Ujian Saringan Kemahiran Bacaan Jawi Tahun Dua	70
B Ujian Akhir Kemahiran Bacaan Jawi	72
C Ujian Bacaan Secara Lisan	74
D Rancangan Pelajaran Bacaan Jawi Untuk Enam Minggu Pengajaran	75
E Contoh Persedian Mengajar (30 Minit)	76
F Borang Rekod Anekdot (Harian)	79
G Jadual Kerja Penyelidikan	80
H Satu Set Salinan Manuskrip Mudah Membaca Jawi Oleh Profesor Isahak Haron	
I Hasil Kerja Tulisan Murid	
J Salinan Surat Kebenaran Daripada EPRD dan Jabatan Pendidikan Negeri Selangor.	